

## **Jaminan Intimasi: Migrasi dan Hubungan Intim di antara Wanita Indonesia dan Lelaki Cina Tempatan di Malaysia**

MASHITAH Binti Hamidi  
Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial  
Universiti Malaya.

### **Abstrak**

Artikel ini mengkaji mengapa dan bagaimana wanita Indonesia menjalin hubungan intim dengan lelaki Cina tempatan di Malaysia. Jaminan intimasi melalui ruang sosial menjadi sandaran kepada perbincangan ini yang menerangkan mengenai percaturan kehidupan seorang wanita imigran yang memerlukan sokongan fizikal, material dan emosi daripada seorang lelaki. Namun di dalam konteks ini persoalan terarah kepada tujuan dan harapan oleh wanita-wanita dalam mengekalkan hubungan dengan lelaki tempatan. Artikel ini adalah hasil daripada kajian etnografi penulis bersama dua wanita Indonesia yang mempunyai pengalaman dan hubungan dengan lelaki Cina tempatan serta beberapa orang tempatan yang mengurus dan bergaul rapat dengan wanita Indonesia yang mempunyai hubungan dengan orang tempatan. Kesan daripada perhubungan yang dijalin dengan lelaki tempatan secara umumnya dan lelaki Cina tempatan secara khususnya, dapat disimpulkan bahawa wanita Indonesia mempunyai matlamat tersendiri dalam merangka perjalanan serta kedudukan mereka di Malaysia. Melalui artikel ini, penulis mendapati jaminan intimasi pekerja wanita Indonesia lebih tertumpu kepada perlindungan keselamatan, emosi dan kerohanian. Tekanan kerja, tempat mengadu dan sokongan kewangan serta material menjadi penyebab wanita-wanita ini terdedah kepada hubungan intim dengan lelaki Cina tempatan dan etnik tempatan yang lain.

**Kata kunci:** jaminan intimasi, migrasi, hubungan intim, wanita Indonesia, lelaki Cina tempatan

## **Intimate Security: Migration and Intimate Relationship of Indonesian Women and Local Chinese Men in Malaysia**

MASHITAH Binti Hamidi  
Department of Social Administration and Justice  
University of Malaya.

### **Abstract**

This article examines why and how women Indonesia had intimate relationships with Chinese men in Malaysia. Intimate security via social space to backup to this discussion describing the life of a constellation of female migrants who need physical, material and emotional support from a man. But in this context the question directed to the goals and expectations of women in maintaining relationships with local men. This article is the result of an ethnographic study of two Indonesian women who have live experience and relationships with Chinese men and some local people who manage and interact closely with Indonesian women who have relationships with the local people. The effect of the relationships established with local men in general and local Chinese men in particular, concluded that Indonesia women have their own goals in designing the course and their place in Malaysia. Through this article, the authors found the intimate security of Indonesian women workers are more focused on the protection of safety, emotional and spiritual. Pressure of work, a place to complain and financial and material support to the cause of these women to have intimate relationship with a male Chinese and other local residents.

**Keywords:** intimate security, migration, intimate relationship, Indonesian women, local Chinese men

## Pengenalan

Selepas tiga bulan pulang ke Jawa, Indonesia, setelah tamat tempoh kontrak sebagai operator pengeluaran di sebuah kilang di Melaka, Tamy (bukan nama sebenar) telah dilamar seorang lelaki berbangsa Cina dari Malaysia. Hubungan yang tidak dianggap istimewa sebelumnya dan memikirkan masa depan yang cerah, menjadikan Tamy sangat teruja dan menerima pinangan lelaki tersebut. Terkilan dengan pilihan anaknya, bapa Tamy telah memberi keizinan bercampur nasihat supaya Tamy mampu meneruskan kehidupan di Malaysia sepanjang ketiadaan orang tuanya kerana jarak di antara Indonesia dan Malaysia yang jauh. Setelah empat belas tahun usia perkahwinan, Tamy hampir putus asa untuk membimbing suaminya yang tidak bersungguh-sungguh mendalami Islam dan risau akan masa depan anaknya sekiranya mereka berpisah. Tamy akhirnya berusaha sendirian untuk menyelamatkan perkahwinannya, membimbing sendiri anak-anaknya dan sering menghubungi ibunya untuk berkongsi keadaan dirinya di Malaysia.

Ringkasan cerita (*vignette*) mengenai Tamy di atas adalah antara bentuk hubungan wanita warga Indonesia dengan lelaki Cina tempatan di Malaysia. Kisah tersebut adalah mengenai pengalaman, tujuan dan harapan wanita yang berhijrah dan menjalin hubungan, samada dalam konteks perkahwinan atau hubungan intim dengan lelaki Cina tempatan. Kisah Tamy menjadi sandaran kepada pengalaman wanita lain yang berhijrah untuk mencari peluang pekerjaan namun terlibat dalam hubungan intim melibatkan warga tempatan. Menurut dapatan lalu, hubungan yang terjalin di antara pekerja wanita Indonesia dan warga tempatan mendatangkan perdebatan bahawa wanita Indonesia sering mengambil kesempatan semasa dalam tempoh kontrak pekerjaan mereka untuk mengukuhkan kedudukan mereka daripada segi ekonomi dan kerakyatan (Utusan Malaysia, 2008). Perkara ini diperkukuhkan lagi berdasarkan rekod Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta pada tahun 2008, antara lima hingga sepuluh pasangan dari kedua-dua buah negara mendaftar setiap hari untuk bernikah (Utusan Malaysia, 2008).

Seperti yang berlaku di Turki, wujud persepsi masyarakat tempatan terhadap wanita imigran dari Rusia dan persepsi tersebut telah terbentuk lebih ratusan tahun, khususnya apabila mereka dilihat sebagai pemikat dan dikaitkan dengan unsur seksualiti terhadap lelaki tempatan Turki. Begitu juga halnya dengan situasi di kawasan perindustrian Tangerang, Indonesia. Menurut Yusuf (1991), di awal tahun 90-an wanita muda dan tidak berkahwin dilabel oleh masyarakat tempatan Tangerang sebagai “bukan perempuan baik-baik” dan mereka dianggap sebagai sangat bebas atau “*loose*” apabila dikaitkan dengan lelaki tempatan. Namun, melalui artikel ini, penulis merujuk hubungan ini sebagai hubungan yang akrab secara fizikal dan emosi serta bertujuan untuk memberi perlindungan keselamatan kepada imigran wanita tersebut. Hujahan utama artikel ini berpusat kepada persoalan tujuan dan harapan hubungan di antara imigran wanita dan warga tempatan.

Artikel ini berorientasikan tiga persoalan utama yang melibatkan hubungan

wanita Indonesia dengan lelaki Cina tempatan. Pertama, apakah bentuk hubungan yang terjalin di antara wanita Indonesia dan lelaki Cina tempatan dan sejauhmanakah hubungan ini berlaku? Kedua, apakah tujuan wanita Indonesia ini menjalin hubungan tersebut, sama ada berasaskan perkahwinan atau hubungan istimewa dengan lelaki Cina tempatan di Malaysia? Ketiga, bagaimana hubungan ini berlangsung dan adakah hubungan tadi selaras dengan harapan yang diletakkan di awal perhubungan tersebut dijalin? Justeru, tumpuan kajian ini adalah kepada meneroka bagaimana jaminan intimasi tersebut dapat mengekalkan hubungan intim mereka, dan persepsi mereka tentang bagaimana harapan memberi kesan kepada sifat dan intensiti terhadap hubungan tersebut. Bagaimana ruang sosial memainkan peranan untuk melalui dimensi ini, isu mengenai hubungan intim di antara imigran wanita Indonesia dan lelaki Cina tempatan dapat dikupas dengan lebih mendalam.

### **Migrasi, Ruang dan Jaminan Intimasi**

Migrasi membuka pelbagai peluang kepada imigran yang mencari kelebihan dalam penghijrahannya (*upward mobility*). Dalam konteks migrasi pekerjaan, imigran berhijrah daripada negara yang tinggi tahap pengangguran dan menerima upah yang rendah di negara yang lebih tinggi pendapatannya, terutama di kalangan mereka yang bekerja dalam sektor kemahiran yang rendah. Oleh yang demikian, penghijrahan mereka menjadi titik tolak kepada perubahan hidup (mobiliti sosial) untuk mencari pendapatan yang lebih lumayan untuk kelangsungan hidup.

Melalui matlamat ini, terdapat segelintir imigran seringkali terjebak di dalam hubungan intim yang di harap dapat memberi sokongan secara kewangan dan material (Bloch, 2011; Tjandraningsih, 2000) dan lebih menjadi kukuh, apabila hubungan intim yang terjalin dijadikan batu loncatan untuk mendapat kerakyatan/kewarganegaraan sesebuah negara (Bloch, 2011). Seringkali imigran terutamanya di kalangan kemahiran rendah dan sederhana terdedah kepada risiko kewangan dan logistik apabila berada di negara destinasi. Oleh yang demikian imigran selalunya akan mencari kaedah untuk mengurangkan risiko yang perlu dilalui dengan strategi yang memberikan faedah kepada mereka. Di antaranya adalah modal sosial, iaitu dengan berkongsi maklumat dengan sanak-saudara atau kenalan yang telah bermastautin di negara destinasi (Massey et.al, 1993). Selain daripada itu, menjalin hubungan intim dengan rakyat tempatan juga membolehkan mereka lebih rasa selamat dan terkawal.

Intim adalah satu perkataan yang berada dalam kelompok idea berkaitan: privasi, kebiasaan, cinta, seks, formal dan hubungan peribadi. Idea keakraban - emosi dan fizikal - adalah penting kepada pemahaman mengenai keintiman (Walsh, 2009). Tambahan pula, keintiman boleh ditafsirkan sebagai hubungan peribadi antara persahabatan, keluarga dan pasangan itu - seperti yang ditubuhkan melalui rutin seharian yang merupakan ruang setempat, sama ada organisasi, rumah dan kejiranan seperti yang diketengahkan oleh Deborah Thien (2005). Definisi hubungan pasangan adalah berbentuk ruang (*spatial*) dengan cara yang tertentu: bagi kebanyakan orang, 'hubungan romantik sebahagiannya dibezakan daripada persahabatan semata-mata dengan melibatkan tingkah laku (seperti

cumbuan, membelai, mencium dan berkasih sayang) yang memerlukan kedekatan fizikal' (Ben-Ze 'ev, 2004).

Hubungan diantara imigran dan warga tempatan memberikan idea sebaliknya. Hal ini kerana persoalan ini berkaitan dengan aspek kehidupan yang dilalui, tindakan yang diambil untuk mengekalkan hubungan tersebut dan bagaimana mereka mengatasi cabaran yang dilalui. Justeru, menurut Thien (2005), hal ini adalah sebagai versi hubungan yang dicapai (diri sendiri untuk yang lain), dan menurut beliau lagi, hubungan intim tersebut adalah seperti penawar kepada kesepian, rasa tidak puas hati, kerenggangan dan kekurangan akibat jauh daripada negara asal wanita iimigran tadi (Thien, 2005). Sepertimana keintiman dikaitkan dengan kasih sayang, kita mungkin membayangkan bahawa faktor geografi adalah perlu bagi membentuk cinta. Walau bagaimana pun, seperti yang Thien nyatakan, perspektif kritikal perlu mempersoalkan andaian itu: kedudukan berhampiran dengan mereka yang tahu tentang hubungan intim tersebut juga boleh mengekang intimasi sebagai jarak jauh atau pemisah mungkin menawarkan beberapa cara yang lebih fleksibel untuk menjadi intim (Thien, 2005).

### **Pendekatan Metodologi**

Artikel ini adalah berdasarkan kajian lapangan penulis pada tahun 2011. Kajian yang bertempat di industri perkilangan memberi ruang dalam perdebatan isu hubungan sosial yang melibatkan imigran wanita Indonesia yang bekerja sebagai operator pengeluaran di syarikat gergasi antarabangsa dan juga kilang yang dimiliki warga tempatan, Malaysia. Melalui kajian lapangan etnografi ini, penulis telah mengenalpasti jenis-jenis hubungan intim yang berlaku, khususnya yang melibatkan wanita warganegara Indonesia. Salah satu bentuk hubungan tersebut adalah wanita Indonesia yang berpasangan dengan lelaki Indonesia sendiri dan merancang untuk berkahwin dan pulang ke Indonesia. Seterusnya, hubungan terjalin di antara wanita Indonesia ini bersama lelaki tempatan yang kebanyakannya lelaki Melayu. Namun kini, menurut responden yang ditemui perubahan dalam hubungan intimasi wanita Indonesia tidak lagi terarah kepada lelaki Melayu semata-mata. Bahkan dan berdasarkan kajian penulis, pola perhubungan intim telah berubah dan semakin ketara kerana peningkatan penglibatan lelaki tempatan Cina dan India Malaysia.

Sepanjang tempoh kajian lapangan tersebut, penulis sendiri berpeluang menemubual dua wanita Indonesia iaitu Tamy dan Jue, yang juga kedua-duanya merupakan wanita Muslim. Tamy telah 14 belas tahun mendirikan rumahtangga dan Jue telah lama mengenali dan mengikat tali pertunangan dengan lelaki Cina tempatan. Perbincangan mengenai isu ini ditambah lagi dengan maklumat yang diperolehi melalui responden tempatan. Lin pernah berkongsi bilik dan berkawan rapat dengan wanita Indonesia semasa bekerja di Nilai, Negeri Sembilan dan mampu memberi gambaran terperinci mengenai pergaulan sosial wanita Indonesia sepanjang berada di Malaysia. Manakala Zie merupakan pengawal keselamatan di salah satu asrama pekerja kilang di Melaka yang menjadi saksi kepada pelbagai kes dan aktiviti wanita Indonesia yang bekerja di kilang tersebut. Melalui

perkongsian maklumat dan pemerhatian di kawasan kajian, penulis dapat mengolah dan mengaitkan isu ini dengan kajian teoritikal yang pernah di jalankan sebelumnya. Dengan mengaplikasi konsep jaminan intimasi berkaitan ruang dan harapan, artikel ini berupaya untuk menjelaskan fenomena yang berlaku di dalam konteks hubungan intim di antara pekerja wanita Indonesia dan lelaki Cina tempatan. Kajian kes mengambil kira pengalaman sebenar wanita Indonesia dalam hubungan mereka dengan lelaki Cina tempatan, tempoh hubungan dan perkenalan, rutin pekerjaan serta aktiviti yang dijalankan wanita-wanita tersebut sebagai lokasi sosial kepada hubungan intim ini. Negeri Melaka menjadi lokasi kajian kerana ianya merupakan salah satu hub perdagangan dan perindustrian antarabangsa dan menerima ramai kemasukan pekerja asing di sektor perkilangan, khususnya iimigran wanita Indonesia dalam sector-sektor yang dinyatakan tadi. Melaka juga menjadi lokasi sosial yang berkembang pesat dengan penambahan pusat hiburan, pusat membeli belah dan kemudahan awam seperti terminal bas, sekali gus menjadi pusat tumpuan dan lingkungan sosial warga tempatan dan asing.

### **Makna di Sebalik Hubungan**

Bahagian ini menerangkan hubungan yang terjalin di antara wanita Indonesia dengan lelaki tempatan Cina Malaysia dan sejauhmanakah hubungan ini berlaku. Melalui beberapa responden yang ditemui sepanjang tempoh kajian, hubungan dengan lelaki tempatan dapat dibahagikan kepada beberapa aspek.

Pertama, terdapat responden yang menceritakan tren atau kecenderungan hubungan intim adalah mengikut peredaran masa. Sekiranya dahulu, hubungan istimewa atau intim di kalangan wanita Indonesia seringkali menjadi perhatian masyarakat tempatan apabila mereka berhubung dengan lelaki Melayu, sama ada semasa belum berkahwin atau setelah berkahwin. Kedua, hubungan wanita Indonesia ini tidak lagi terhad kepada lelaki Melayu atas alasan persamaan budaya atau agama. Hubungan mereka dengan lelaki Cina semakin meningkat dan memberikan isyarat bahawa mereka lebih bebas untuk bergaul. Terakhir, semasa kajian ini berlaku, penulis juga mendapat maklumat bahawa wanita Indonesia ini semakin banyak mendekati lelaki tempatan yang bekerja dengan sektor penguatkuasaan dan mereka yang berpakaian seragam, seperti anggota polis dan tentera.

Setiap hubungan yang terjalin memberi makna tersendiri kepada wanita-wanita Indonesia tersebut dan anggota masyarakat yang berurusan secara terus dengan mereka. Namun, dalam kebanyakan penjelasan, faktor kesunyian dan memerlukan teman sekaligus menyokong segala tindakan yang dilakukan oleh penduduk tempatan bagi menghalang hubungan ini daripada terus berlaku. Seperti yang berlaku di salah sebuah kawasan perindustrian di Masjid Tanah, Melaka, ejen yang mengurus penempatan mereka terpaksa membina penghadang menggunakan asbestos di sekeliling kompaun penempatan pekerja asing. Pembinaan tersebut adalah hasil daripada aduan penduduk tempatan yang menidakkan kehadiran pekerja asing di kawasan kediaman mereka seperti yang dikongsi

oleh ejen tersebut:

Dia orang ni (wanita Indonesia) dianggap suka ganggu suami orang. Bila kita buka asrama macam ni, dia orang (penduduk tempatan) marah... jadi takut, suami mereka kena kacau. Budak-budak ni selalu kena marah. Mereka kata budak-budak ni seksi. Jadi saya kena ambil tanggungjawablah, sebab saya bawa mereka masuk. Dah lama saya buat penghadang ni (zink dicat biru menghadang tiga blok teres)... tak nak bagi dia orang nampak dan tuduh kita kacau pemandangan dia. (Ravi, temubual, 20 May, 2011)

Walaupun hubungan mereka dengan lelaki tempatan mendapat tentangan dan pandangan negatif masyarakat tempatan, bagi sesetengah wanita Indonesia tersebut, peluang mereka mempunyai hubungan istimewa tidak lagi disempitkan mengikut jenis bangsa dan agama atau tertumpu kepada lelaki tempatan Melayu atau yang beragama Islam. Seperti yang diceritakan oleh Tamy, permulaan beliau mengenali suaminya, tidak terlintas untuk wanita Indonesia tersebut mengahwini lelaki Malaysia berketurunan Cina kerana akur dengan perbezaan agama yang mungkin menjadikan kehidupan di masa akan datang mencabar. Menurut Tamy:

Umur sekarang saya 33... yelah saye masuk umur 18 tahun saya datang ke Malaysia (bekerja kilang), kawin 19 tahun gitu... yelah lepas 3 bulan pulang ke Jawa, tiba-tiba dia datang, saya pun terkejut, ingatkan kami kawan biasa saje, tapi dia bersungguh-sungguh cakap dia sudah masuk Islam la apela, saya pon mule-mule terpikir yeke betul ke, kadang-kadang susah juge kawin dgn org Cina kan, saya nak kene ajar dia (Islam)... mule mcm tak percaya, bapak saya tak suke, tapi dia ckp, 'saya tak bantah saya tak larang, kalau kamu pegi ke Malaysia kamu happy, khabarkan bapak segera, telefon, sy akan ckp Alhamdulillah, tapi kalau kamu susah, jangan kamu sesekali bagitau bapak.'... saya cakap... 'pak, bapak tak sayang saya?', bapak saya kate, Malaysia tu jauh, kamu pilih sendiri, kamu dah besar. Jadi saya di sini meskipun susah macamana pun, saya takkan mengadu dengan kedutaan, dengan keluarga di sana, sebab salah saya jugak kan. (Tamy, temubual, 12 Februari, 2011)

Hal yang sama dikongsikan oleh Jue, seorang gadis Melayu Medan. Beliau mempunyai matlamat tersendiri untuk mengikat tali perkahwinan dan menetap di Malaysia seperti kakaknya. Jue tidak mempunyai kesukaran untuk masuk ke Malaysia untuk mendapatkan visa pekerjaan kerana mempunyai tunang yang menguruskan semua dokumentasi perjalanannya. Jue mempunyai harapan yang tinggi untuk mengahwini tunangnya walaupun Boy, seorang lelaki Cina tempatan belum bersedia memeluk Islam. Menurut Jue, dia banyak berhutang budi dengan Boy yang menjaganya dengan baik selama dia berada di Malaysia dan tunangnya tersebut di anggap seolah-olah menggantikan kedua ibu bapanya yang berada di Medan.

..Jue datang Malaysia ni ade yang support Jue lah. Sebab kan ada Boy la, dia

support Jue. Kalau nk keje, keje la dulu, dia katekan, jodoh tak ke mane ...kalau tu (kahwin) ade kak ... aa, kalau nak, Jue nak aa, mcm kakak zu, nak jadi orang Malaysia kat sini, menetap kat sini. Kakak Jue kahwin dengan orang Malaysia dah lama, sekarang dia di Pahang dan ada butik sendiri di sana. Jue tak nak duduk kat Medan... Walaupun mak ayah jauh Jue tak kesah, sebab dari kecik hingga umur 19 tahun, sangat di manja oleh orang tua. (Jue, temubual, 7 Januari 2011)

Kenyataan daripada dua orang wanita Indonesia mengenai sebab utama mereka memilih lelaki Cina tempatan dikuatkan lagi dengan pengakuan seorang wanita tempatan yang mempunyai pengalaman dan sering menjadi saksi pergaulan sosial wanita Indonesia di Malaysia. Seperti yang dinyatakan oleh Tjandraningsih (2000), bagi kebanyakan pekerja wanita Indonesia mereka belum berkahwin, bekerja di kilang-kilang menghasilkan berbagai imej (khususnya negatif) dan mendorong pelbagai reaksi daripada masyarakat sekeliling. Ada yang lebih dilabel sebagai “perempuan gampang” atau wanita longgar. Terdapat juga beberapa petunjuk bahawa sesetengah wanita juga bekerja sebagai pekerja seks. Lin, 20-an merupakan pembantu kedai pakaian di Melaka Sentral. Melalui pengalamannya dan maklumat yang diperolehinya melalui kenalan, Lin menceritakan kecenderungan wanita Indonesia dalam mencari pasangan mereka semasa berada di Malaysia.

Ada yg kat kedai belakang seluar jeans tu Indon (Indonesia)... pakwe (teman lelaki) dia Cina... pakai keta (kereta) besar... macam tu dia pnya power... dulu saya kawan jugak dengan budak Indon... masa tu saya duduk kat Nilai (Negeri Sembilan)... lagi le... dalam satu rumah tu saya pegi rumah member saya majoriti Indon... saya tengok pakwe dia orang polis, TNB (pegawai Tenaga Nasional Berhad)... ha tu le... org berjawatan..bukan cikai-cikai (tahap rendah) punya orang dia orang nak rembat(ambil)... sanggup dia... orang kata bersedu pun dia orang sanggup... tapi macam tu... dia bagi dia punya... kehormatan dia bagi... haaa... bukan nak cakap apa... dia orang terdesak... dia orang cari orang kita... diorang usha(perhatikan) tau...kadang-kadang askar...standard punya la dia orang cari... (Lin, temubual, 2 Februari 2011)

Melalui penerangan wanita-wanita Indonesia dan tempatan di atas, hubungan yang dijalinan oleh wanita Indonesia dengan lelaki tempatan mempunyai asas yang tertentu. Makna di sebalik perhubungan ini adalah bersandarkan tujuan ikatan perkahwinan, untuk mendapatkan tempat perlindungan serta sokongan. Bahagian berikutnya menerangkan jenis-jenis sokongan yang sering berlaku melalui hubungan wanita Indonesia dan lelaki Cina tempatan. Seterusnya, perbincangan juga akan menghuraikan mengenai pengalaman sebenar wanita Indonesia melalui sokongan yang diharapkan pada permulaan hubungan mereka dengan lelaki Cina tempatan.

### **Sokongan dan Harapan**

Tidak seperti kajian kes wanita Filipina menurut Nicole Constable, yang berkahwin dengan

lelaki Amerika Syarikat dengan tujuan untuk mencapai ‘hubungan yang lebih egalitarian’ (Konstabel 2005), wanita Indonesia di Malaysia yang saya kenali secara umumnya melihat kehidupan mereka dengan lelaki Malaysia agak berbeza. Mereka jarang bercakap mengenai hubungan mereka dari segi keseksamaan tetapi sebaliknya dari segi kestabilan ekonomi, undang-undang, dan kadang-kadang percintaan.

Bagi memberikan gambaran yang lebih jelas, penulis mengemukakan jenis sokongan yang diperlukan oleh wanita ini dalam membina hubungan dengan lelaki Cina tempatan. Hubungan ini dianggap dapat memenuhi harapan setiap imigran yang mempunyai ikatan dengan lelaki Cina tempatan dalam pelbagai aspek. Seperti yang dinyatakan oleh Lin dalam kenyataannya berikut:

At least orang boleh tanggung dia... tapi pas dia pas lawatan bekerja... tapi dia tak kerja... jadi gundik la senang cerita... bahasa kasar dia... [Dia nak apa? nak duit?] dia nak duit... dia nak perlindungan... at least dia kena tangkap ke apa ke ada org jamin dia... [maksudnya tak sah?] Dia orang sah... tapi kadang-kadang dia orang kena tangkap kalau masuk pub... masa tu dia orang perlukan polis... perlukan lelaki kaya, berpengaruh. (Lin, temubual, 2 Februari, 2011)

Zie, seorang pengawal keselamatan wanita yang saya temui semasa beliau sedang bertugas mengawal asrama pekerja asing wanita di Bukit Rambai, Melaka. Zie tidak menafikan, hubungan wanita Indonesia dan lelaki Cina memang benar berlaku dan menjadi tren hampir pada setiap malam hujung minggu, kereta-kereta mewah akan beratur panjang menunggu kenalan masing-masing di bahu jalan asrama tersebut. Namun begitu terdapat juga faktor sebaliknya yang tidak berasaskan kekayaan semata-mata berkaitan dalam kes wanita Indonesia dan lelaki Cina Malaysia. Beliau berkongsi pengalamannya membantu membuka pintu untuk seorang lelaki tua Cina yang mempunyai hubungan dengan wanita Indonesia yang masih muda dan cantik. Zie berkongsi perbualannya dengan lelaki Cina tersebut seperti di bawah:

‘you jangan marahla ye, uncle, apa you buat kat sini?’ ‘gua tengok bini gualah.’ ‘Biar betul uncle.’ ‘Yelah. dah 3 tahun macam ni. tak jauh lagi’... ‘uncle dah ada bini?’ ‘mana ada bini.’ ‘ni uncle bawa balik, balik rumah.’ ‘mesti mau bawa balik rumahlah. dah 2 minggu ma (tak berjumpa).’ tapi macam tu lah, sebulan 800 pada dia. mak dia (di Indonesia)2 juta sebulan. apa sahaja dia mahu, dia telefon. [uncle tu dah tua dah?].... dah tua nak mampos pun! tu yang sakit hati tu. Budak tu punya lah cantik, comel montel, gebu. yang ko buat macam perhiasan macam tu ha. sial cari yang macam ni. ye, macam-macam. Akak tanya orang tua tu... ‘you tak takut beranak ke?’ ‘tak adalah. pakai belonlah’(kondom). (Zie, temubual, 25 Julai 2011)

Lebih menarik menurut Zie, lelaki Cina tersebut hanya menaiki motosikal dan setiap kali menghantar wanita Indonesia tadi pulang ke asrama, tangannya sarat dengan beg plastik barangan membeli-belah.

[naik motor je?] naik motor... dia pandai kata... dia kalau orang ramai dia tak keluar. dia bagitahulah kan. kalau sorang baru dia keluar. yelah. nanti kakak tuggulah. ni budak dia, sekali balik sarat, penuh (beg plastik barang membeli-belah). Cina sini. Bukan Melayu kita. Melayu sengkek siapa nak? kadang dia telefon. siapa pulak ni? uncle. kak, buka pintu kak. ha, yelah. (Zie, temubual, 25 Julai 2011)

Di sebalik sokongan ekonomi dan perlindungan keselamatan, wanita-wanita Indonesia ini memerlukan sokongan emosi dan kerohanian daripada pasangan mereka. Wanita seperti Jue yang masih muda dan bekerja di kilang dengan rutin kerja yang kuat dan membosankan, dia memerlukan sokongan daripada seseorang yang boleh mendengar dan berkongsi ceritanya di tempat kerja, serta meluangkan masa bersamanya beriadah walaupun mereka tinggal berjauhan, tunangnya di Kuala Lumpur dan Jue di Melaka. Di samping itu juga, Jue juga memperolehi pelbagai sumbangan material daripada tunangnya yang dianggapnya sebagai sangat memahami dirinya.

Kalau ade ape-ape hal la, dengan Boy Jue sahajalah yang boleh bertukar pandangan. Ape-ape, pasal keje (kerja) ke Jue cakap dengan dia. Selalu keluar dengan kawan-kawan jarang kak. Selalu mase dengan Boy Jue la. Kalau belanja pun sebab emm, Jue tak masak kat rumah kan... memang tak masak langsung.. keje kan kak penat..simple, beli je kak. Walaupun kami jauh, Boy di KL Jue di Melaka kami selalu makan bersama... Banyaknya handphone! Berapa banyak handphone sebenarnya ni? Jue susah la kak... barang Jue takde duit... semua boy yg beli..[eh, kalau mcm tu, semua ade hp berape sumua?].3 kak (tiga buah telefon bimbit).. (Jue, temubual, 7 Januari 2011)

Berbeza dengan Tamy yang pada mulanya menganggap keputusannya untuk mengahwini lelaki Cina tempatan dapat membahagiakannya, membolehkannya belajar ke universiti dan membimbing Tamy dan anak-anaknya kepada agama. Harapan itu terus dilupakan kerana Tamy perlu memberi tumpuan kepada anak-anaknya dan mencari sokongan daripada pihak lain. Salah satunya, Tamy mempunyai keluarga angkat yang sanggup membimbing dan membantu sekiranya Tamy ingin melakukan majlis keagamaan seperti doa kesyukuran. Tamy juga mengambil keputusan untuk bekerja sebagai pembantu pelanggan di syarikat pengurup wang bagi mengisi masa dan melupakan masalah peribadinya.

Habis kadang mau putus asa tau tapi saya cakap takpelah, dia feel free lah, dia sudah tua kan, saya sudah hilang kewajipan, kite bukannye tak sampaikan, tapi saya nak pergi mana dia hantar, nak pegi mengaji semua, kalau akhirnya hidayah tu, Allah aje yang kasikan, mak saye pon cakap jangan macamtu, anak kene jaga, jangan nanti balik indonesia dia tak tau cakap, baca surah-surah pendek (Al-Quran), saya pon tak tau nak cakap ape, mak saye pon cakap, 'saya dulu berharap kamu akan kawin dengan lelaki yang membimbing kamu, bukan kamu yang bimbing lelaki.' orang tak tau lah, kadang kite ni fikir macam menyesal pon ade,

tapi tanggungjawab kan, takkan nak tinggalkan anak macam itu, kite berkorban sikitla, tapi sebenarnya bukan sedikitlah, banyak. Kita kerja cita-cita semua tak tercapai, harapkan anaklah (belajar tinggi); jadi lepas kawin tu, memang tak dapat masuk universiti. Sekarang saya kerja di Western Union je lah... (Tamy, temubual, 12 Februari, 2011)

### **Kesimpulan**

Walaupun perbincangan mengenai imigran wanita dan hubungan dengan lelaki warga tempatan adalah bukan perkara yang baru, penulis cuba untuk membuktikan bagaimana 'harapan' kepada hubungan wanita Indonesia dengan lelaki Cina tempatan adalah disebabkan sokongan yang diharapkan dapat dilaksanakan dan memberikan jaminan intimasi. Harapan ini bukan hanya sekadar kepada sokongan material, namun memberi penekanan kepada aspek emosi dan perlindungan keselamatan. Kepelbagaian bentuk hubungan yang berlaku ini memberi gambaran bahawa wanita-wanita Indonesia ini mempunyai harapan di dalam konteks tersendiri. Terdapat wanita yang tidak memberi komitmen yang tinggi di dalam hubungan. Sebagai contoh hanya mempunyai hubungan seksual namun tetap menerima sokongan yang diharapkan seperti kewangan. Namun harapan wanita seperti pengkisahan Tamy yang melihat peluangnya sebagai isteri, dipinggirkan oleh suaminya kerana faktor perbezaan budaya dan agama yang membataskannya untuk mencapai cita-citanya dalam membentuk sebuah keluarga yang diharapkannya.

Melalui kajian ini, penulis menyarankan agar dilakukan kajian lebih mendalam di masa akan datang mengenai perbezaan hubungan intim pekerja asing dengan warga tempatan daripada etnik atau kaum yang berbeza. Sekiranya wujud, kajian boleh dilakukan ke atas pekerja imigran yang berkahwin secara kontrak dengan pekerja imigran yang lain daripada etnik dan negara yang berbeza. Di dalam perbincangan mengenai perubahan dalam corak perhubungan intimasi dapat dilihat daripada segi cabaran-cabaran yang dilalui oleh wanita imigran dalam isu kerakyatan di atas hubungan yang terjalin dengan rakyat tempatan mahupun warga asing terutamanya daripada aspek perkahwinan.

### Rujukan

- Ben-Ze-ev, A. (2004). *Love Online: Emotions on the Internet*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Bloch, A. (2011). Intimate circuits: modernity, migration and marriage among post-Soviet women in Turkey. *Global Networks*, 11(4), 502-521.
- Constable, N., (2005). *Cross-border marriages, gendered mobility, and global hypergamy*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Massey, D. S., Arango, J., Hugo, G., Kouaouci, A., Pellegrino A., Taylor, J. E. (1993). Theories of international migration: a review and appraisal. *Population and Development Review*, 19(3) (Sep., 1993), 431-466.
- Thien, D. (2005) Intimate distances: considering questions of ‘us’. In J. Davidson, L. Bondi & M. Smith (Eds.), *Emotional Geographies* (pp. 191–204). Aldershot: Ashgate
- Tjandraningsih, I., (2000). Gendered work and labour control : women factory workers in Indonesia. *Asian Studies Review*, 24(2), 257–268. Retrieved from <http://www.tandfonline.com/loi/casr20>. [Accessed November 28, 2011]
- Utusan Malaysia. (2008, Ogos 1). Lelaki Malaysia Lebih Penyayang. *Utusan Malaysia*. Retrieved from [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0108&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&pg=mh\\_03.htm#ixzz4hQ54qcWW](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0108&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_03.htm#ixzz4hQ54qcWW)
- Walsh, K. (2009) Geographies of the Heart in Transnational Spaces: Love and the Intimate Lives of British Migrants in Dubai. *Mobilities*, 4(3), 427–445.
- Yusuf, V. (1991). *Labour force formation in the export garment industry: The experience of Bandung, West Java*. Bandung: ISS.